

Tiga beranak termasuk budak dua tahun terbunuh

Nahas pulang dari kampung

KOSMO 17/10/13 Ms 3.

Oleh KHAIRIYAH HANAFI

khairiyah.hanafi@kosmo.com.my

BENTONG - Kegembiraan tiga sekeuarga pulang menyambut Hari Raya Aidiladha di kampung di Jerteh, Terengganu bertukar duka apabila ketiga-tiganya maut dalam kemalangan di Kilometer 49, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak di sini semalam.

Mereka yang terkorban dalam kejadian pukul 6.50 pagi itu ialah Jiman Raup, 32; isteri, Nik Zaieyahaliza Ya, 29, dan anak pasangan itu, Nurul Damia, 2,

Ketika kejadian, tiga beranak tersebut dalam perjalanan pulang ke Kuala Lumpur selepas empat hari menghabiskan cuti di Jerteh.

Ketua Polis Daerah Bentong, Superintendan Mansor Mohd. Noor berkata, kemalangan dipercayai berlaku apabila kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Perodua Alza yang dipandu Jiman terbabas dan merempuh pembahagi jalan.

"MPV itu kemudian memasuki laluan bertentangan dan bertembung dengan sebuah lori tangki tanpa muatan.

"Ekoran kejadian itu, ketiga-tiga mangsa maut di tempat kejadian akibat kecederaan dalaman. Pemandu lori tangki tidak cedera," katanya ketika ditemui di sini.

Pasangan suami isteri itu berpangkat koperal dan bertugas sebagai kerani di Maktab Tentera Diraja Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Sementara itu, sumber berkata, pasangan itu sepatutnya kembali bertugas pagi semalam dan merupakan anggota tentera yang berdedikasi serta

berdisiplin dalam menjalankan tugas harian.

"Mungkin kerana mahu mengejar waktu bertugas, mereka terlibat dalam kemalangan," katanya.

Dalam pada itu, seorang ahli keluarga Nik Zaieyahaliza, Asliza Abdullah, 32, berkata, wanita itu sedang mengandung dua bulan.

Kes disiasat di bawah Seksyen 41 Akta Pengangkutan Jalan 1987.



JIMAN



NIK ZAIEYHALIZA



SEBUAH Perodua Alza remuk selepas bertembung dengan sebuah lori tangki mengakibatkan tiga beranak maut di Kilometer 49, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dekat Bentong semalam.

Kemalangan tiga maut di Kilometer 49, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak

